

# Kemenangan calon BN bergantung pada pengundi Cina

SEREMBAN, Rabu — Barisan Nasional akan memenangi pilihanraya kecil Parlimen kawasan Seremban jika 10,000 orang pengundi Cina memilih calonnya, kata Menteri Besar, Datuk Mohd Isa Samah.

Beliau menyuarakan pendapat ini kerana "pengundi Melayu dan India akan memberi sokongan padu kepada calon Barisan Nasional, Puan Rosie Teh".

Kawasan Parlimen Seremban mempunyai 13,456 pendundi Melayu dan 9,736 pengundi India berbanding dengan 37,650 pengundi Cina.

Datuk Mohd Isa yakin BN dapat mengekalkan kerusi Parlimen Seremban kerana "kejayaan besar" yang dicapai oleh bekas Presiden MCA, Datuk Lee San Choon, dalam pilihanraya umum tahun lalu.

"Barisan telah membuktikan bahawa Seremban bukan kubu kuat

pembangkang dalam pilihanraya umum lalu setelah menewaskan Dr Chen Man Hin dengan kelebihan 845 undi," tambahnya.

Pilihanraya kecil ini akan diadakan pada 19 November berikutan persaraan Datuk Lee dari politik.

Datuk Mohd Isa mengingatkan pengundi supaya jangan terpengaruh dengan dakwah parti pembangkang yang hanya berminat untuk memenangi kerusi Parlimen, tetapi tidak berhasrat untuk berkhidmat kepada rakyat.

"Oleh itu adalah tidak berfaedah untuk memilih calon yang pandai membangkang, tetapi tidak pandai berkhidmat," katanya.

Menteri Besar memberi jaminan bahawa Umno akan berkempen sungguh-sungguh untuk memastikan setiap pengundi Melayu mengundi calon BN.

"Adalah wajar bagi pengundi memberi peluang kepada Puan Teh memenangi pilihanraya kecil ini kerana kegigihannya untuk berkhidmat kepada rakyat," kata beliau lagi.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia